

1. Tandakan (✓) pada pernyataan yang **betul** dan (x) pada pernyataan yang **salah**.

- a. Memakai penutup kepala sangat penting untuk mengelakkan rambut terjatuh ke dalam makanan.
- b. Mendingankan diri jika berlaku kerosakan alat kerana takut dimarahi ketua.
- c. Membaca buku manual pengguna dan keselamatan peralatan sebelum menggunakan peralatan elektrik atau gas.
- d. Kain pengelap tangan boleh digunakan untuk mengangkat periuk yang panas.
- e. Peti pertolongan cemas tidak perlu diletakkan di bahagian dapur kerana boleh menyebabkan keracunan makanan.

2. Pilih jawapan dan tuliskan jenis ubat yang sesuai dengan kegunaannya.

Ubat gosok / sapu		Ubat pil / ubat tahan sakit	
Larutan iodin	Ubat cium / hidu	Larutan antiseptik	

	Kegunaan	Jenis ubat
a.	Membantu melegakan sakit kepala, demam, sakit otot, sakit perut dan lain-lain.	
b.	Merawat luka-luka kecil.	
c.	Bahan pembasmi kuman	
d.	Menyedarkan seseorang yang pengsan.	
e.	Mengurangkan kesakitan pada otot yang tegang.	